

23 AUG 1999

Mahathir-Analisis Berita)

LAWATAN DR MAHATHIR PERKENALKAN WILAYAH JAUH RUSSIA KEPADA DUNIA

Oleh: Azman Ujang

ULAN UDE (Russia), 23 Ogos (Bernama) -- Mencari nama tempat seperti Khabarovsk dan Buryatia atas peta dunia sudah pasti sukar.

Apatah lagi tempat-tempat itu terletak jauh di timur Russia, sebuah negara yang media barat jarang membuat liputan melampaui Moscow.

Tetapi sejak seminggu lepas, kedua-dua wilayah Russia ini mendapat liputan meluas daripada media Malaysia, terima kasih kerana lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebenarnya, lawatan beliau ke wilayah-wilayah itu yang baru berakhir adalah lebih kerana keinginan beliau untuk melihat sendiri bahagian Asia dalam Russia, tetapi apa yang disaksikan beliau nampaknya lebih daripada yang disangka.

"Dua wilayah Russia ini tidak diketahui oleh penduduk Malaysia dan Asia Tenggara dan pertama sekali publisiti perlu diberikan terhadap potensi dan keindahan mereka untuk menimbulkan minat dalam menjalankan perniagaan dan lawatan" kata Dr Mahathir, antara ketua kerajaan yang sering melakukan lawatan ke luar negara semasa menggulung lawatannya itu.

Bukan semua pemimpin suka membuat apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri, dan sudah pasti bukan pada masa jadual harian beliau semakin sibuk serta masa semakin suntuk untuk pilihan raya umum Malaysia yang dinanti-nantikan.

Dr Mahathir melakukan lawatan sembilan hari itu, termasuk lawatan ke China, di tengah-tengah jelajah pra-pilihan raya mengelilingi negara.

Berdasarkan kepada sentimen negara tuan rumah, mungkin hakikat ini dianggap satu penghormatan besar kepada kedua-dua negara itu dan mereka membalas dengan menyediakan pelbagai kemudahan untuk menampung rombongan Malaysia yang termasuk Menteri-menteri dan ahli perniagaan.

Banyak limosin dan kenderaan lain serta helikopter disediakan bagi tetamu dari Malaysia semasa mereka berada di Khabarovsk jauh di timur Russia dan Buryatia di selatan Asia Tengah.

Dr Mahathir yang suka membuat lawatan ke negara-negara dunia ketiga berbanding pemimpin-pemimpin lain berkata, beliau gembira kerana dapat melawat bahagian Russia ini dan menganggap lawatannya sebagai "sangat berjaya".

Jarang sekali Russia yang kini dalam krisis ekonomi dan sering menghadapi pertukaran Perdana Menteri di Moscow, mendapat pujian seperti itu, lebih-lebih lagi daripada seorang pemimpin Malaysia seperti Dr Mahathir yang dihormati dunia.

Kelebihan teknologinya dalam membuat pesawat pejuang dan helikopter merupakan pendorong utama bagi lawatan Perdana Menteri itu.

Adalah jelas yang Dr Mahathir berminat dengan kapal terbang.

Pihak tuan rumah melakukan sedaya yang boleh untuk menawan hati Perdana Menteri di dua kilang pengeluaran pesawat yang beliau dibawa melawat, kedua-dua kilang itu berusia lebih 60 tahun dan telah mengeluarkan beribu-ribu pesawat pejuang dan helikopter yang digunakan di pelbagai negara.

Tetapi oleh kerana pesawat-pesawat itu dibuat di Russia ataupun bekas Soviet Union, pesawat itu nampaknya menghadapi masalah imej khasnya kerana sikap media barat yang hanya berminat memperkecilkan teknologi Russia.

Jadi semasa lawatan Perdana Menteri untuk mengetahui kelebihan pesawat Russia, khasnya helikopter serbaguna MI-171 yang dikilangkan di ibu negara Buryatia ini, industri pesawat terbang Russia mungkin telah menerima

pengiklanan yang terbaik.

Memang publisiti yang baik, kata pegawai-pegawai industri penerbangan Malaysia seperti Tan Sri Ahmad Johan, pengerusi Industri Aeroangkasa Malaysia (AIM) dan presiden AIM Lt-Gen (B) Datuk Seri Yunus Tasi, bekas panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), yang turut serta dalam rombongan Perdana Menteri.

AIM yang diasaskan oleh kerajaan Malaysia untuk menerajui negara dalam industri pesawat terbang dijangka menjadi pelabur besar dalam rantau ini yang terdesak untuk mata wang asing, dan kini perancangan sedang dibuat untuk membuka pejabat cawangan AIM di sini.

Beberapa perjanjian dijangka ditandatangani kelak dengan Russia bagi usahasama antara lain menjadikan Malaysia sebagai pusat servis helikopter buatan Russia yang digunakan oleh negara-negara Asia Tenggara.

Usahasama itu dijangka dikendalikan oleh AIROD Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat AIM.

Satu lagi usahasama ialah Malaysia menjalankan kerja-kerja modifikasi pesawat Russia dalam sistem radio, panel cockpit dan sistem pintu untuk meningkatkan daya saingnya dalam pasaran.

Dr Mahathir juga kagum dengan helikopter MI-171 dan beberapa pegawai Malaysia berkata, tidaklah mengejutkan jika Malaysia membeli beberapa pesawat jenis itu untuk menggantikan helikopter Nuri TUDM.

Beliau juga mengumumkan yang Malaysia berminat untuk memasarkan helikopter-helikopter itu di Asia Tenggara.

"Selama ini tiada usaha pemasaran menyeluruh helikopter-helikopter itu di Asia Tenggara dan kita percaya dapat membantu memasarkan mereka dalam rantau ini," katanya.

Pendapat bahawa Russia adalah negara dengan orang-orang tua berwajah garang juga luput, sekurang-kurangnya di kalangan rakyat Malaysia.

Khabarovsk, sebagai contoh mempunyai populasi muda dan dalam kata-kata Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, isteri Perdana Menteri, rakyat Russia yang sentiasa tersenyum itu sangat mesra.

Dr Mahathir juga meminta pertukaran lawatan generasi muda dan program-program televisyen untuk menarik minat Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara lain mengadakan hubungan perniagaan dan melawat wilayah-wilayah jauh di Russia.

Jika Russia boleh disamakan dengan intan yang belum digilap, maka lawatan Perdana Menteri teklahe memulakan proses menggilap itu.

-- BERNAMA

AU PR